

PERTANYAAN ORANG AWAM TERHADAP MBS 2022

| Bil. | Pertanyaan | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas/ Jawapan | Tindakan |
|------|--|-------------------|---|------------------------------|--|
| 1 | <p>Saya ingin bertanya, terdapat individu yang tidak dikenali telah memotong pokok yang sedia ada di tebing cerun sungai and menjadikan tempat tersebut sebagai kebun persendirian haram.</p> <p>Hal ini mungkin menyebabkan hakisan tanah / tanah runtuh disebabkan pokok - pokok telah dipotong oleh individu berkenaan serta boleh menyebabkan banjir.</p> <p>Bolehkan Pihak MBS mengambil tindakan terhadap invidu tersebut bagi memastikan tindakan individu tersebut tidak memudaratkan penduduk and alam sekitar?</p> | 11-01-2021 | KAWSAN TERSEBUT ADALAH DIBAWAH SELIAAN PIHAK JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SEMBILAN. | 18-01-2021 | Jabatan Undang-undang dan Penguatkuasaan |
| 2 | Saya ingin bertanya mengenai pembaharuan untuk lesen iklan. Adakah perlu apa-apa document sokongan yang perlu di bawa semasa datang untuk mempernaruhi lesen iklan sahaja? | 13-01-2021 | Untuk memperbaharui lesen iklan perlu bawa:- 1.Lesen asal 2.Cukai taksiran. | 13-01-2021 | Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran |
| 3 | Untuk makluman, di lorong belakang rumah saya terdapat banyak sisa sampah dan pokok yang mencemarkan persekitaran sehingga terdapat banyak tikus yang berkeliaran mengganggu kawasan rumah. Sehubungan itu saya ingin membuat pertanyaan adakah boleh memohon bantuan pihak MBS untuk membersihkan sisa-sisa tersebut kerana sisa tersebut banyak dan besar? | 15-01-2021 | Untuk makluman, sisa sampah dan pokok adalah dibawah tanggungjawab pihak kosensi SWM. Walau bagaimanapun, kutipan telah dilakukan oleh pihak konsesi SWM pada 04.02.21 | 02-03-2021 | Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran |
| 4 | Boleh saya tahu permohonan Penjaja ini boleh dibuat Secara online atau perlu pergi ke kaunter? | 18-01-2021 | Pemohon perlu hadir ke kaunter Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran. | 18-01-2021 | Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran |
| 5 | <p>Saya nak tanya, nombor akaun cukai taksiran sudah bertukarkah?</p> <p>Tahun lepas saya bayar menggunakan nombor akaun 6-digit.</p> <p>Kali ini ditulis tidak rekod dijumpai, dan nombor akaun perlulah 13-digit.</p> | 19-01-2021 | TELAH JAWAB KEPADA PENGADU MELALUI SISPAА PADA 19.01.2021 MENGENAI CARA MENYEMAK CUKAI TAKSIRAN DAN MEMOHON MAKLUMAT AKAUN CUKAI YANG LEBIH LENGKAP AGAR SEMAKAN LANJUT DAPAT DILAKUKAN. STK. | 19-01-2021 | Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta |

PERTANYAAN ORANG AWAM TERHADAP MBS 2022

| Bil. | Pertanyaan | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas/ Jawapan | Tindakan |
|------|---|-------------------|--|------------------------------|---------------------------------|
| 6 | <p>SAYA INGIN BERTANYA SEKIRANYA PEMBAIKAN BUMBUNG BOCOR/ROSAK DI FLAT CEMPAKAPURI 4, BANDAR BARU NILAI ADALAH DI BAWAH TANGGUNGJAWAB MBS ATAU PEMILIK RUMAH SENDIRI ATAU ADA BADAN-BADAN TERTENTU YANG BOLEH MELAKUKAN PEMBAIKAN.</p> <p>UNTUK PENGETAHUAN BAGI PIHAK MBS, RUMAH YANG SAYA DUDUKI ADALAH RUMAH PALING ATAS DAN PALING TEPI. BUMBUNG SUDAH UZUR. ADA YANG PECAH DAN BERLUBANG. RUMAH DALAM KEADAAN BASAH BILA HUJAN.</p> | 25-01-2021 | <p>Telah menghubungi pengadu pada 2.2.2021 dan memaklumkan bahawa aduan tersebut di bawah tanggungjawab JMB. Pengadu juga boleh berhubung dengan pihak pemaju berkenaan permasalahan tersebut.</p> | 02-02-2021 | Unit COB |
| 7 | <p>Pertanyaan saya adalah:-</p> <p>1. Adakah dokumen 'Deeds of Mutual Covenant (DMC)' yang pemaju meletakkan syarat memwajibkan pembeli untuk menandatangani (jika tidak sign tidak boleh beli) boleh digunakan?</p> <p>2. Adakah DMC terpakai kerana kawasan perumahan tersebut berstatus hak milik persendirian dan bukannya berstatus hakmilik strata seperti yang tertakluk di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 dan Akta Pengurusan Strata 2013?</p> <p>3. Adakah tindakan Persatuan Penduduk (RA) untuk menyekat akses kad penduduk yang tidak membayar mantainance fee bagi menghalang kebebasan penduduk/pemilik masuk ke kawasan kediaman sendiri dalam perumahan tersebut kerana tidak bersetuju dengan kadar bayaran RM150?</p> <p>4. Adakah menjadi kesalahan membina Guard House dan Boom Gate di kawasan yang bukan berstatus Hak milik strata? Guard House dan Boom Gate ini dibina oleh pihak pemaju semasa membangunkan kawasan perumahan. Lokasi pembinaan Guard House pula berada di tengah-tengah jalan keluar dan masuk kawasan perumahan. Mengikut Peraturan setiap pembinaan bertstruktur kekal bagi Guard House perlu memohon Temporary Occupation Licence (TOL) daripada Pejabat Tanah Daerah (PTD) dan perlu dibina di bahu jalan dan bukan di kawasan tengah jalan selaras dengan peruntukan Akta 56, Seksyen 65, Kanun Tanah Negara 1965.</p> | 26-01-2021 | <p>Soalan 1: DMC merupakan dokumen sampingan yang dikeluarkan oleh pihak Pemaju meyakini perkara berkaitan Pondok Pengawal, kemudahan yang ada didalam taman serta tempoh yang telah ditetapkan oleh pihak pemaju sehingga diserahkan kepada persatuan penduduk</p> <p>Soalan 2: DMC terpakai tanda persetujuan bagi pengwujudan Skim Komuniti Berpengawal dan segala yang terkandung dalam DMC. Akan tetapi ia tidak berkait dengan perkara Hak Milik Strata.</p> <p>Soalan 3: SOP yang dibuat oleh pihak Persatuan bercanggah dengan syarat kelulusan pihak MBS. Oleh yang demikian pihak persatuan boleh diambil tindakan penguatkuasaan.</p> <p>Soalan 4: Permohonan dari pemaju telah diberi kebenaran berdasarkan kelulusan Pelan Kebenaran Merancang termasuk pembinaan Pondok Pengawal. Akan tetapi kelulusan pengurusan Skim daripada pihak persatuan masih belum diterima oleh pihak Majlis.</p> | 01-02-2021 | Jabatan Perancangan Pembangunan |

PERTANYAAN ORANG AWAM TERHADAP MBS 2022

| Bil. | Pertanyaan | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas/ Jawapan | Tindakan |
|------|--|-------------------|---|------------------------------|--|
| 8 | Saya ingin mengetahui cara dan syarat kelayakan yang perlu dipenuhi untuk menyewa gerai MBS di Arked Senawang | 29-01-2021 | <p>1. Borang (BPA02) boleh dibeli di kaunter Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran dengan harga RM2.00.</p> <p>2. Lengkapkan borang bersama 2 keping gambar, salinan i/c dan salinan SSM. Hantar borang yang telah lengkap di kaunter untuk didaftarkan di kaunter berserta dengan bayaran proses RM20.00</p> <p>3. Kad akuan akan diberi selepas bayaran proses dibuat dan pemohon akan dipanggil untuk proses temuduga melalui surat atau panggilan telefon.</p> | 02-02-2021 | Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran |
| 9 | Saya bekerja di BBN 1, saya meletakkan motosikal di kawasan kosong pejabat kerana parking motosikal jauh dari lokasi pejabat. Saya mendapati saman pada motosikal saya walaupun kawasan tersebut kosong tidak berkenderaan. Saya ingin bertanya adakah penguatkuasa tidak bertolak ansur tentang isu ini, tiada kemudahan parkir motosikal berdekatan dan situasi saya tidak mendatangkan kemudharatan pada pengguna yang lain | 29-01-2021 | <p>Siasatan telah dijalankan dan didapati terdapat parkir motosikal yang disediakan berhampiran dengan tempat kerja pengadu.</p> <p>Telah berjumpa dengan pengadu dan memaklumkan terdapat tempat parkir motosikal berhampiran dengan tempat kerja pengadu.</p> | 01-02-2021 | Jabatan Undang-undang dan Penguatkuasaan |
| 10 | Saya mendapat tahu bermula Feb 21 ada rumah akan disewakan kepada anak-anak asnaf di bawah sebuah organisasi yang diberitakan akan melebihi 50 orang. Sebagai antara penghuni di jalan berkenaan, bagaimanakah caranya untuk saya mengemukakan bantahan terhadap perkara ini? Pasti akan ada isu komuniti jika dilihat kapasiti isi rumah yang disebutkan. | 08-02-2021 | Semakan aduan didapati ianya mengenai masalah rumah kediaman bakal dijadikan sebagai rumah asnaf. Pihak tuan/ puan boleh mengutarakan masalah ini kepada Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan untuk makluman dan tindakan selanjutnya daripada pihak agensi berkenaan. | 12-02-2021 | Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran |
| 11 | SAYA INGIN BERTANYA TENTANG POMOTONGAN POKOK DI KAWASAN PERUMAHAN. JIKA POKOK TERSEBUT DI HADAPAN RUMAH SAYA, BOLEH KAN SAYA MEMBUAT PERMOHONAN UNTUK MENEBAK POKOK TERSEBUT KEPADA MBS. JIKA YA, ADAKAH TERDAPAT SEBARANG BAYARAN. | 11-02-2021 | Pihak majlis tidak melaksanakan kerja-kerja pokok persendirian. | 24-02-2022 | Jabatan Taman dan Landskap |

PERTANYAAN ORANG AWAM TERHADAP MBS 2022

| Bil. | Pertanyaan | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas/ Jawapan | Tindakan |
|------|--|-------------------|---|------------------------------|--|
| 12 | Saya dimaklumkan bahawa sisa domestik hanya dikutip satu kali seminggu (pada hari Rabu kebiasaannya). Ini menimbulkan persoalan dan keadaan tidak senang, bukan sahaja untuk kami sekeluarga, malah penduduk setaman. Sepengetahuan saya, pada September 2019, Bandar Enstek masih di bawah Majlis Perbandaran Nilai. Pada masa itu, sisa domestik dipungut 3 kali seminggu. Maka, mohon diberikan pencerahan tentang perkara ini. | 11-02-2021 | BAGI KAWASAN PERUMAHAN SEDIA ADA YANG TELAH DIBEKALKAN TONG SAMPAH 110L MERUPAKAN KAWASAN PENTADBIRAN SWCorp NEGERI SEMBILAN. KUTIPAN SAMPAH SISA DOMESTIK SEBANYAK 2 KALI SEMINGGU. PENDUDUK BOLEH MERUJUK JADUAL PERKHIDMATAN YANG TELAH DISEDIAKAN OLEH SWCorp UNTUK MENGETAHUI HARI JADUAL KUTIPAN. | 11-02-2021 | Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran |
| 13 | Saya ingin tahu sama ada pihak majlis ada tatacara untuk pembuangan barangan elektrik seperti ketuhar gelombang mikro dan ketuhar. Mohon pencerahan cara-caranya. | 11-02-2021 | PEMBUANGAN SISA ELETRIK DIKATEGORIKAN SEBAGAI SAMPAH PUKAL. KUTIPAN SAMPAH PUKAL DI PREMIS KEDIAMAN 1 KALI SEMINGGU. PENDUDUK HANYA PERLU MELETAKKAN SISA TERSEBUT DI TEPI TONG SAMPAH PADA HARI JADUAL KUTIPAN. PENDUDUK BOLEH MERUJUK PADA JADUAL PERKHIDMATAN YANG TELAH DIDIRIKAN DI DALAM KAWASAN PERUMAHAN. | 11-02-2021 | Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran |
| 14 | Saya ada membeli kereta dari penjual kereta terpakai pada bulan Disember 2020. Sejak adanya sistem online MBS, saya telah semak kompaun berdasarkan nombor kereta. Saya dapati terdapat kompaun lampu sebelum saya menjadi hak milik kereta tersebut. Saya abaikan atau macam mana? | 22-02-2021 | UNTUK MAKLUMAN, BERDASARKAN SEMAKAN YANG DIJALANKAN, SEMUA NOTIS KESALAHAN KOMPAUN YANG DIKELUARKAN ADALAH DI ATAS NAMA PEMILIK YANG TERDAHULU. HARAP MAKLUM. | 01-03-2021 | Jabatan Undang-undang dan Penguatkuasaan |
| 15 | How to correct my personal info ? I want to change my Race in my personal info. | 22-02-2021 | Terima kasih atas aduan dikemukakan. Maklumat peribadi puan, telah dikemaskini seperti di lampiran. | 23-02-2021 | Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi |
| 16 | Can Majlis take my dog | 02-03-2021 | Siasatan telah dijalankan dan didapati terdapat sekor anjing dipelihara di lokasi aduan. Pemilik anjing ingin menyerahkan anjingnya kepada Majlis MBS kerana tidak mahu lagi memelihara anjing tersebut. Telah memberitahu pengadu bahawa majlis belum melantik kontraktor untuk penangkapan anjing. | 03-03-2021 | Jabatan Undang-undang dan Penguatkuasaan |

PERTANYAAN ORANG AWAM TERHADAP MBS 2022

| Bil. | Pertanyaan | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas/ Jawapan | Tindakan |
|------|--|-------------------|--|------------------------------|--|
| 17 | <p>Saya ingin bertanya tentang pengambilan sampah di dalam tong sampah. Adakah pengambil sampah memilih sampah yang diambil? Siapa yang akan mengambil sampah yang diletakkan di luar tong sampah tetapi menggunakan plastik sampah?</p> <p>Adakah disediakan perkhidmatan mengambil sampah kategori "bukan sampah dapur?" contoh kotak,botol dsb.</p> | 04-03-2021 | SAMPAH DI DALAM TONG ADALAH SAMPAH DOMESTIK SEPERTI SISA MAKANAN DAN SISA DAPUR. SAMPAH PUKAL/KEBUN PULA ADALAH SAMPAH SEPERTI PERABOT LAMA, SISA KEBUN YANG DIMASUKKAN KE DALAM PLASTIK DAN SISA KITAR SEMULA. JADUAL KUTIPAN DI TAMAN PERUMAHAN ADALA 3 KALI DALAM SEMINGGU. 2 KALI UNTUK SAMPAH SISA DOMESTIK MANAKALA 1 KALI UNTUK SAMPAH PUKAL/KEBUN. | 08-03-2021 | Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran |
| 18 | Bolehkah saya membuang pokok yang ditanam oleh pihak pemaju diluar pintu pagar masuk rumah saya? Ini kerana pokok ini mengganggu pandangan saya ketika mengundurkan kereta untuk masuk ke porch rumah. Tambahkan pula, dahan pokok ini akan mencalar permukaan kereta ketika saya mengundurkan kereta. | 16-03-2021 | <ol style="list-style-type: none"> 1. siasatan mendapati tiada halangan di tapak 2. Sebarang penebangan pokok milik majlis perlu melalui konsultasi dengan Pengarah Taman & Landskap 3. Sekiranya berkehendakkan penebangan, buat permohonan rasmi ke Jabatan Taman & Landskap melalui MPKK atau Persatuan Taman | 21-03-2022 | Jabatan Taman dan Landskap |
| 19 | saya ingin membuat pembatalan lesen perniagaan kerana saya tidak lagi berada di SEREMBAN NEGERI SEMBILAN dan saya tak lagi menjaga perniagaan saya dan lesen saya telah diguna oleh share PARTNER saya yang tidak pernah memberi saya sebagian hasil jual perniagaan tersebut untuk mengelakkan sebarang masalah sekiranya partner saya menyalah gunakan lesen tersebut atas nama saya dan saya ingin membatalkan lesen perniagaan | 15-03-2021 | PEMBATALAN LESEN PERLU LENGKAPKAN BORANG PEMBATALAN LESEN DAN SERTAKAN BERSAMA LESEN PREMIS PERNIAGAAN MBS YANG ASAL. KEMBALIKAN BORANG DAN LESEN ASAL KE PEJABAT JABATAN PEMBERSIHAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN UNTUK PROSES PEMBATALAN. | 18-03-2021 | Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran |
| 20 | boleh saya tahu... boleh dikenakan tindakan kepada pemilik lori yang parking dikawasan perumahan kecil .. yang boleh menyebabkan kesempitan jalan di dalam kawasan perumahan .. | 16-03-2021 | SIASATAN SUSULAN MENDAPATI PEMILIK LORI TELAH MEMINDAHKAN LORI YANG DILETAKKAN DI HADAPAN RUMAH SEPERTIMANA ARAHAN NOTIS YANG DIKELUARKAN SEBELUM INI. | 19-03-2021 | Jabatan Undang-undang dan Penguatkuasaan |
| 21 | <p>Mohon pengesahan adakah pertukaran nama jalan berlaku kerana nama asal jalan di depan rumah ialah Lorong Cempaka 1. Terdapat papan tanda baru dipacak dengan nama Jalan Sejahtera 2.</p> <p>Bagaimana dengan urusan kad pengenalan dan juga urusan rasmi lain kerana alamat rumah ialah Lorong Cempaka 1.</p> | 22-03-2021 | Tiada pertukaran jalan dan kerja-kerja penggantian papantanda akan dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik. | 21-03-2022 | Jabatan Kejuruteraan |

PERTANYAAN ORANG AWAM TERHADAP MBS 2022

| Bil. | Pertanyaan | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas/ Jawapan | Tindakan |
|------|--|-------------------|---|------------------------------|--|
| 22 | <p>Saya ingin bertanya apakah peraturan pihak majlis jika saya mahu menggantikan pokok sedia ada di hadapan rumah saya dengan pokok lain seperti pokok janda merana, pokok zaitun hitam, pokok rambutan dan sebagainya?</p> <p>Kedua, apakah peraturan mengenai penggunaan tanah padang/bahu jalan perumahan untuk tujuan kebun sayuran?</p> | 24-03-2021 | Pengadu boleh mengemukakan surat rasmi beserta gambar pokok sedia ada dan pokok yang dicadangkan untuk penggantian seterusnya. | 25-06-2022 | Jabatan Taman dan Landskap |
| 23 | Saya ingin meminta penggantian tong sampah rumah saya kerana tong lama sudah rosak. | 24-03-2021 | PENGADU BOLEH MEMBUAT PERMOHONAN PENGGANTIAN TONG SAMPAH DI DEPO SWM SEREMBAN 2 NO 364-365, JALAN HARUAN 7, OAKLAND INDUSTRIAL PARK, 70300 SEREMBAN NSDK DENGAN MEMBAWA BERSAMA GAMBAR KEADAAN SEMASA TONG SAMPAH DAN SALINAN BIL UTILITI SERTA SALINAN CUKAI TAKSIRAN. | 26-03-2021 | Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran |
| 24 | Saya nak tanya, boleh ke saya dapatkan replacement tong sampah untuk rumah saya. Sebab tong sampah hilang dicuri dan sekarang saya guna tong sampah hitam beli sendiri. Tapi anjing selalu selongkar tong sampah hitam tu sbb rendah dan sampah tu bersepah atas jalan raya. Saya ingin mendapatkan tong sampah baru bg rumah saya. | 25-03-2021 | UNTUK PENGGANTIAN KEHILANGAN TONG SAMPAH PENDUDUK PERLU MEMBUAT LAPORAN POLIS KERANA SETIAP TONG SAMPAH YANG DIBEKALKAN TELAH DIDAFTARKAN DENGAN NAMA PEMOHON DAN ALAMAT KEDIAMAN. SALINAN REPOT POLIS PERLU DIKEMUKAKAN BERSAMA SALINAN BIL UTILITI SERTA SALINAN CUKAI SEMASA MEMBUAT TUNTUTAN TONG SAMPAH DI SWM CAWANGAN NILAI. (NO 13 JALAN SERAYA 1, TAMAN SERAYA MUKIM SETUL, DAERAH SEREMBAN 71700 MANTIN, NSDK). | 26-03-2021 | Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran |
| 25 | <p>I want to know that i already had lisenca from MBS which will expired on 25 june 2021.</p> <p>Now i have changed shop lot numbers so i have to apply new or i had to change address in MBS lisenca</p> <p>Please guide me to i grant it</p> | 01-04-2021 | Pihak tuan boleh datang ke Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran, Majlis Bandaraya Seremban untuk urusan mengenai lesen premis perniagaan atau hubungi ditalian 06-7654278 | 23-04-2021 | Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran |
| 26 | Bolehkah saya buat permintaan dari MBS supaya menyewah tanah lapang yang kecil untuk membuat aktiviti-aktiviti seperti tanam pokok-pokok bunga. Jika boleh apakah document yang perlu saya sediakan? Harga berapa untuk setahun? | 02-04-2021 | Pengadu boleh mengemukakan surat rasmi beserta gambar pokok sedia ada dan pokok yang dicadangkan untuk penggantian seterusnya. | 25-06-2022 | Jabatan Taman dan Landskap |

PERTANYAAN ORANG AWAM TERHADAP MBS 2022

| Bil. | Pertanyaan | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas/ Jawapan | Tindakan |
|------|--|-------------------|---|------------------------------|--|
| 27 | Saya pemilik rumah tersebut ingin bertanya mengenai jadual kutipan sampah di kawasan taman saya di mana saya tidak nampak ada lori sampah membuat kutipan sampah di kawasan saya tersebut. Saya amat-amat berharap maklum balas dari pihak tuan puan mengenai hal ini. | 02-04-2021 | SWCorp TELAH MENYEDIAKAN DAN MENDIRIKAN JADUAL PERKHIDMATAN DI SETIAP TAMAN PERUMAHAN DI NEGERI SEMBILAN UNTU KEMUDAHAN PENDUDUK. JADUAL PERKHIDMATAN KUTIPAN SISA PEPEJAL ISI RUMAH 2+1 DALAM SEMINGGU. KUTIPAN SISA BAKI DI LOKASI ADALAH PADA SETIAP HARI SELASA DAN JUMAAT MANAKALA KUTIPAN SAMPAH PUKAL/KEBUN/KITAR SEMULA ADALAH PADA SETIAP HARI ISNIN. | 05-04-2021 | Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran |
| 28 | Saya ingin mengantikan pokok yang ditanam di hadapan rumah saya kerana pokok itu tidak subur dan kelihatan hampir mati. Saya ingin dapatkan permission untuk memotong pokok itu. | 15-04-2021 | Pihak majlis telah mengambil maklum atas aduan ini. | 21-03-2022 | Jabatan Taman dan Landskap |
| 29 | Adakah kedai yang mampu untuk disewa kepada surirumah untuk berniaga kecil-kecilan? Ataupun kedai yang murah untuk disewa bagi yang bergaji bawah rm 2500? Kedai murah area seremban jaya, seremban Negeri Sembilan? Area pasar seremban jaya boleh ke diperbaiki semula? | 05-05-2021 | - Pemohon perlu mengisi dengan lengkap borang permohonan lesen yang boleh didapati di dalam website mbs atau ke kaunter. Pemohon perlu memilih lokasi gerai yang diminati seperti lokasi gerai yang terdapat di dalam borang permohonan. Setelah borang lengkap diisi, perlu dihantar ke kaunter untuk diproses dengan bayaran rm20. Selepas permohonan diproses, pemohon perlu menunggu panggilan temuduga daripada mbs Jika pemohon berjaya/gagal di dalam proses temuduga, pihak mbs akan menghantar surat jawapan. Pemilihan bergantung kepada kekosongan gerai. Kekosongan gerai boleh didapati melalui website mbs. | 09-06-2021 | Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran |

PERTANYAAN ORANG AWAM TERHADAP MBS 2022

| Bil. | Pertanyaan | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas/ Jawapan | Tindakan |
|------|--|-------------------|--|------------------------------|--|
| 30 | <p>Saya ingin bertanyakan bagaimanakah proses/cara untuk menyewa gerai MBS</p> | 24-05-2021 | <p>Pemohon perlu mengisi dengan lengkap borang permohonan lesen boleh didapati di dalam website mbs atau ke kaunter.</p> <p>Pemohon perlu memilih lokasi gerai yang diminati seperti lokasi gerai yang terdapat di dalam borang permohonan.</p> <p>Setelah borang lengkap diisi,perlu dihantar ke kaunter untuk diproses dengan bayaran rm20.</p> <p>Selepas permohonan diproses,pemohon perlu menunggu panggilan temuduga daripada mbs</p> <p>Jika pemohon berjaya/gagal di dalam proses temuduga,pihak mbs akan menghantar surat jawapan.</p> <p>Pemilihan bergantung kepada kekosongan gerai.</p> <p>Kekosongan gerai boleh didapati melalui website MBS.</p> | 09-06-2021 | Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran |
| 31 | <p>I'm seeking your kind approval to allow me to replace 2 planted trees with dwarf trees in front of my shop as the current trees is blocking my signboard from public view. I'm willing to bear all cost regards to this matter. Hope I will be able to receive kind approval from you soonest possible.</p> | 24-05-2021 | <p>Diminta pengadu untuk mengemukakan satu surat rasmi beserta gambar pokok sedia ada dan pokok yang dicadangkan untuk penggantian seterusnya.</p> | 23-06-2022 | Jabatan Taman dan Landskap |

PERTANYAAN ORANG AWAM TERHADAP MBS 2022

| Bil. | Pertanyaan | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas/ Jawapan | Tindakan |
|------|---|-------------------|--|------------------------------|--|
| 32 | <p>ADAKAH SAYA BOLEH MEMINTA SALINAN BAHARU LESEN PERNIAGAAN YG TELAH DIHILANGKAN PEKERJA DAN APAKAH DOKUMEN YG DIPERLUKAN JIKA BOLEH?</p> <p>SELAIN ITU, PERNIAGAAN SAYA DI BAWAH MAJLIS PERBANDARAN NILAI. ADAKAH LESEN BOLEH DI KELUARKAN SEMULA DI BAWAH MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN.</p> | 28-05-2021 | <p>SALINAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN BOLEH DILEUARKAN.</p> <p>PIHAK TUAN DIKEHENDAKI MEMBUAT LAPORAN POLIS DAN SERTAKAN BAYARAN RM5 SEMASA BERURUSAN DIKAUNTER JABATAN PEMBERSIHAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN MBS.</p> <p>PIHAK TUAN BOLEH MENGHUBUNGI PIHAK MBS DI TALIAN 06-7654268 PADA HARI ISNIN HINGGA JUMAAT JAM 8.30 PG HINGGA TENGAHARI</p> | 24-06-2021 | Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran |
| 33 | Can I renew thru online, can I have the website or link, thanks | 28-07-2021 | <p>PEMBAYARAN BOLEH DIBUAT SECARA ONLINE.</p> <p>PUAN BOLEH MEMBUAT PEMBAYARAN DI AKAUN MAYBANK MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN NOMBOR AKAUN -5550 1421 7763</p> <p>SELEPAS PEMBUAT PEMABAYARAN PUAN DIKEHENDAKI MELAMPIRKAN BERSAMA-SAMA:- -SALINAN RESIT BAYARAN -GAMBAR SALINAN LESEN LAMA -GAMBAR SALINAN PEMADAM API -GAMBAR SALINAN CUKAI TAKSIRAN (CUKAI PINTU YANG TELAH DIJELASKAN)</p> <p>JIKA ADA SEBARANG PERTANYAAN, PUAN BOLEH MENGHUBUNGI PIHAK MBS DI TALIAN 06-7654268 PADA HARI ISNIN HINGGA JUMAAT JAM 8.30 PG HINGGA 12.30 TENGAHARI</p> | 02-08-2021 | Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran |
| 34 | Saya ingin mebuat awning rumah melebihi longkang tetapi pihak pembuatan tidak setuju kerana boleh dikompaun oleh pihak MBS...Kejiranan boleh melebihi longkang tiada tindakan atau kompaun dikenakan. Minta pihak berkuasa memberi penjelasan. | 30-08-2021 | - Tidak dibenarkan membuat tambahan melebihi sempadan. | 30-08-2021 | Jabatan Kawalan Bangunan |

PERTANYAAN ORANG AWAM TERHADAP MBS 2022

| Bil. | Pertanyaan | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas/ Jawapan | Tindakan |
|------|--|-------------------|---|------------------------------|--|
| 35 | <p>1. Adakah gelanggang ini untuk kegunaan Awam (public) atau Private(kepunyaan penduduk taman) ?</p> <p>2. Pihak mana (MBS/Persatuan) yang akan bertanjungjawab keatas kerosakan dan sebarang keceradaan/pecurian/gangguan bunyi yang di sebabkan oleh orang luar/awam?</p> <p>3. Bolehkah Persatuan penduduk untuk tutup gelanggan ini dengan membina pagar untuk menyekat kehadiran orang awam?</p> <p>4. Bolehkah persatuan penduduk mengutip yuran dari orang luar yang ingin menggunakan gelanggang ini?</p> <p>5. Bolehkah persatuan meminta menukar kan gelanggang ini kepada faciliti lain seperti gelanggan badminton atau permainan kanak-kanak atau yang memfaedah kan penduduk taman?</p> | 12-10-2021 | <p>Adalah dimaklumkan, hasil dari semakan mendapati menghalang pengunjung atau pelawat yang menggunakan kemudahan awam yang disediakan di kawasan komuniti adalah diluar bidang kuasa pihak Majlis.</p> <p>Walaubagaimanapun, sekiranya kehadiran pelawat terbabit mengganggu dan menimbulkan rasa kurang selesa, pihak tuan boleh mengemukakan aduan kepada pihak polis.</p> | 21-10-2021 | Jabatan Perancangan Pembangunan |
| 36 | Saya ingin mohon kandungan dlm Undang2 Kecil Perlesenan Anjing utk pengetahuan umum tentang peraturan pembelaan anjing di kawasan perumahan | 06-12-2021 | <p>UNDANG-UNDANG KECIL PERLESENAN ANJING</p> <p>UNTUK MAKLUMAN TUAN/PUAN, BAGI PERMOHONAN SALINAN UNDANG-UNDANG KECIL PERLESENAN ANJING PERLULAH MELALUI PERMOHONAN SECARA RASMI KEPADA JABATAN UNDANG-UNDANG DAN PENGUATKUASAAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN. TUAN/PUAN BOLEH MENGEMUKAKAN PERMOHONAN TERSEBUT SECARA BERSURAT.</p> | 24-12-2021 | Jabatan Undang-undang dan Penguatkuasaan |
| 37 | <p>saya mahu bertanya lanjut bagaimana untuk saya menghalang penjualan arak di kejiranan saya?</p> <p>1. ia melibatkan pekerja muslim</p> <p>2. ia melibatkan kejiranan penduduk rata ratafia Melayu muslim</p> <p>3. terdapat gangguan waktu malam membabitkan pemabuk di kejiranan saya</p> <p>4. tin arak bersepah di kejiranan saya hacia daripada penjualan kedai runcit seperti ini.</p> | 08-12-2021 | <p>HASIL PEMANTAUAN:</p> <p>- Siasatan telah dijalankan pada 8/12/21 dan didapati terdapat jualan minuman keras jenis beer dijual E57dilokasi aduan.</p> <p>-Premis yang diadakan mempunyai lesen perniagaan pasar mini daripada MBS.</p> <p>-Permit minuman keras dibawah bidang kuasa Kastam dan Pejabat Tanah.</p> | 14-12-2021 | Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran |

PERTANYAAN ORANG AWAM TERHADAP MBS 2022

| Bil. | Pertanyaan | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas/ Jawapan | Tindakan |
|------|--|-------------------|---|------------------------------|--|
| 38 | Adakah kawasan tersebut dibenarkan buka bunyi siren waktu tengah malam dalam tempoh yang lama? Apakah tindakan yang penghuni sekitar boleh buat waktu kejadian? Agensi mana yang kami boleh hubungi? | 22-02-2021 | SEMASA SIASATAN TELAH DIJALANKAN, MENDAPATI PEMILIK PREMIS TELAH MEMBUKA SENSOR ALARM DAN TIDAK MEMASANG SUIZ ALARM TERSEBUT DILOKASI ADUAN. | 01-03-2021 | Jabatan Undang-undang dan Penguatkuasaan |
| 39 | Nak tanya macam mana mohon untuk bunting permit, boleh tak mohon sendiri atau mesti melalui pihak syarikat/pembekal bunting? | 05-03-2021 | PEMOHON BOLEH MEMBUAT PERMOHONAN DENGAN SYARAT PERLU DILAMPIRKAN SALINAN LESEN MBS, SALINAN SSM DAN SIJIL DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA. JIKA ADA PERTANYAAN LANJUT SILA HUBUNGI PN.SINIWATI DITALIAN 06-7654281. | 18-03-2021 | Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran |
| 40 | Boleh saya tahu di manakah saya boleh recycle battery lama dan barang-barang eletronik lama? Terima kasih | 11-05-2021 | UNTUK MAKLUMAN BARANGAN E-WASTE BUKAN DI BAWAH SELIAAN SWCorp. PENGADU BOLEH MERUJUK KEPADA JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) UNTUK MENDAPATKAN SENARAI KONTRAKTOR PUNGUTAN SISA E-WASTE BERLESEN. | 11-05-2021 | Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran |
| 41 | Parking seremban masih guna jomparking?? | 05-10-2021 | Kawasan Seremban masih menggunakan apps Jom Parking dan lain-lain apps juga. | 15-12-2021 | Unit Letak Kereta |
| 42 | Ingin bertanya adakah dibenarkan aktiviti berniaga di kawasan kediaman taman perumahan?? | 08-11-2021 | Kawasan kediaman tidak dibenarkan untuk menjalankan perniagaan. | 08-11-2021 | Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran |
| 43 | Kereta saya ditarik pada Jun 2020 dikawasan tersebut . Boleh saya tahu cara pembayaran untuk ambil balik kereta itu? | 22-11-2021 | Prosedur tuntutan kenderaan yang disita oleh Majlis Bandaraya Seremban. Pemilik kenderaan perlu hadir ke Jabatan Undang - Undang dan Penguatkuasaan untuk proses tuntutan kenderaan yang disita. 1.Pemilik kenderaan yang disita. 2.Kad pengenalan pemilik kenderaan. 3.Geran asal pemilik kenderaan. 4.Pembayaran kompaun tuntutan kenderaan yang disita. No.telefon Majlis Bandaraya Seremban Cawangan Nilai 06-7989004 | 22-11-2021 | Jabatan Undang-undang dan Penguatkuasaan |

PERTANYAAN ORANG AWAM TERHADAP MBS 2022

| Bil. | Pertanyaan | Tarikh Pertanyanaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas/ Jawapan | Tindakan |
|------|--|---------------------|---|------------------------------|--|
| 44 | 1) Saya ingin bertanya adakah waris dibenarkan untuk menziarahi kubur di tanah perkuburan ainsdale, 2) Adakah waris dibenarkan untuk mebuat 'kepek' di kubur jenazah. | 01-10-2021 | UNTUK ZIARAH PUSARA DITANAH PERKUBURAN ISLAM AINSDALE ADALAH DIBENARKAN. UNTUK PEMBINAAN KEPUK PIHAK PUAN DIKEHENDAKI BERURUSAN DENGAN PIHAK KOPERASI MBS DITALIAN 012-2703745 | 01-11-2021 | Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran |